

ISLAM MENGUTAMAKAN AMALAN KEBERSIHAN

Islam memerintahkan umatnya agar selalu menjaga kebersihan kerana kebersihan merupakan sebahagian dari Iman. Islam sangat mengambil berat aspek kebersihan dan memberi keutamaan supaya menjaga kebersihan diri sendiri, tempat tinggal, tempat ibadat, tempat-tempat awam, tempat makan seperti restoran dan sebagainya. Islam juga amat menggalakkan umatnya membersihkan diri sebelum melakukan segala kefarduan yang telah diwajibkan serta sebelum melakukan perkara-perkara sunnah.

Kita mesti peka dan bertanggungjawab untuk menjadikan tempat-tempat ibadat seperti masjid dan surau sentiasa dalam keadaan bersih. Begitu juga dengan segala kemudahan yang disediakan seperti dewan solat, bilik air dan tempat wuduk hendaklah dijaga supaya sentiasa baik, kelihatan bersih, tidak pula dirosakkan oleh orang yang tidak bertanggungjawab. Kebersihan masjid dan surau merupakan tanggungjawab semua umat Islam, bahkan Allah SWT menjanjikan ganjaran bagi mereka yang mengutamakan penjagaan kebersihan.

Marilah kita sama-sama muhasabah semula adakah diri kita sudah bersih dari kekotoran sama ada rohani atau jasmani? Bagaimana kita dapat memelihara masjid dan surau dari sebarang kekotoran sedangkan diri kita pun masih lagi kotor? Ketahuilah bahawa punca kepada sikap pengotor dalam diri umat Islam adalah kerana mereka tidak menjaga rohani daripada kekotoran akibat dosa-dosa yang telah dilakukan. Inilah yang menyebabkan mereka selesa dengan keadaan kotor bahkan langsung tidak ada kesedaran untuk memelihara kebersihan diri apatah lagi masjid dan surau.

Kebersihan memang sangat dititikberatkan oleh Islam sehinggakan para ulama' seperti ulama' hadis meletakkan satu bab khusus yang membicarakan mengenai kebersihan pada permulaan kitab. Inilah yang menunjukkan bahawa betapa pentingnya menjaga kebersihan diri dari sebarang kekotoran dalaman dan luaran.

Berazamlah untuk menjadi umat Islam yang bersih bermula dengan diri sendiri dan seterusnya menerapkannya di dalam keluarga, masyarakat dan Negara. Masyarakat yang memelihara kebersihan diri mereka inilah yang dapat memastikan kebersihan masjid dan surau mereka terpelihara dan menjadi contoh kepada masyarakat dan bangsa lain. Kebersihan ini juga pasti akan terpancar melalui perbuatan dan tutur kata.

Amalkanlah akhlak dan adab Islam yang sememangnya sangat menitikberatkan kepada penjagaan dan pemeliharaan kebersihan dalam semua aspek kehidupan. Tinggalkan segala tabiat buruk seperti merokok, meludah meratarata, mengotorkan dan melakukan kerosakan di kawasan persekitaran masjid dan surau terutamanya bilik air dan tempat wuduk. Sesungguhnya orang yang benar-benar bertaqwa dan mempunyai keimanan yang kukuh kepada Allah SWT tidak akan sekali-kali melakukan semua tabiat buruk ini.

~ Dan pakaianmu bersihkanlah, dan perbuatan dosa tinggalkanlah".~

al-Muddatstsir: 74: 4-5